

01 JUL 2003

Mahathir-S'pura/I

M'SIA PERJELAS ISU AIR DENGAN SINGAPURA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan menerbitkan buku kecil atau rencana di akhbar bagi menjawab setiap perkara yang dibangkitkan oleh Singapura dalam kempenya memburuk-burukkan negara ini berhubung perbincangan mengenai air yang tergendala antara kedua-dua negara.

"Kita perlu jelaskan semuanya. Kita akan keluarkan versi kita mengenai masalah ini. Mereka telah berikan versi mereka, dan kita fikir itu tidak wajar langsung.

"Soalnya mudah sangat, seperti, apa juga yang dijual pada harga tiga sen pada tahun 1927, dijual pada tiga sen (juga) pada tahun 2003? Soal yang mudah seperti itulah," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Dinar Emar sebagai Alternatif Matawang Antarabangsa.

Beliau diminta mengulas tindakan terbaru Singapura menerbitkan sebuah buku kecil yang turut mengandungi petikan surat-menyurat rasmi antara Dr Mahathir dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Buku kecil itu dengan tajuk "Water Talks? If Only It Could", diterbitkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian Singapura. Ia menuduh Malaysia sebagai pihak yang tidak munasabah sehingga menyebabkan perbincangan mengenai air tergendala, dan sering menukar pendiriannya dalam menetapkan harga air mentah.

Ketika ditanya sama ada kerajaan Malaysia akan menerbitkan buku serupa, Dr Mahathir berkata : "Kita boleh terbitkan buku serupa atau kita hebahkan menerusi akhbar. Kita akan perjelaskan setiap perkara."

Kepada soalan sama ada kerajaan akan menyiarkan semua surat antara pemimpin kedua-dua negara, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan berbuat demikian kerana itu tidak beretika.

Beliau berkata kerajaan Malaysia berpegang kuat kepada amalan antarabangsa bahawa surat persendirian tidak harus disiarkan atau dipamerkan.

"Sekarang ini amat susah untuk menulis surat kerana kita tahu ia akan dijadikan sebagai propaganda," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan menemui Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong untuk menyelesaikan isu air itu sebelum beliau berundur Oktober ini.

"Kita dah jumpa dah banyak kali, tapi tak ada apa. (Dia) tak setuju. Takkan dia nak selesaikan, bermakna kita kena bersetuju dengan apa yang orang kata," katanya.

Kepada soalan bahawa perbincangan yang berlarutan itu kini harus diselesaikan oleh bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata: "Ya...mungkin. Tak mengapa. Kerajaannya masih sama, cuma pemimpin berbeza."

Dr Mahathir juga berkata buat masa ini kedua-dua kerajaan tidak akan memulakan perbincangan baru mengenai isu air itu.

"Tak ada cadangan kerana kita tidak akan capai persetujuan. Dia dah hebahkan macam itu, kita pun susahlah nak bercakap, hendak tulis surat pun dah susah la ni. Mereka gunakan (surat) sebagai bukti terhadap kita," katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan merujuk perkara itu kepada mahkamah seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Perdana Menteri berkata ia boleh dibawa ke mahkamah tetapi apa yang penting sekarang ialah bagi Malaysia menjelaskan kedudukannya.

-- BERNAMA
HS KHY MAI